

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, May 16, 2019 9:19 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Memburu Berkah Dengan Hadirnya Ramadan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

16 MEI 2019 / 11 RAMADAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Amiruddin Rohani & Hamid Mat Hashim

MEMBURU BERKAT DENGAN HADIRNYA RAMADAN



UUM ONLINE: "Jika Allah datangkan nikmat tetapi tidak disisipkan dengan berkat maka, tidak berguna kehidupan kita dengan kata lain kita guna yang Allah beri tetapi Allah tidak suka, jadi bagaimana cara untuk mendapat berkat?"

Soal Prof. Madya Dr. Mohamad Khadafi Rofie dalam Ceramah Ramadan anjuran Kelab Kebajikan Jabatan Pendaftar (KEJAP) di Bilik Taklimat, Bangunan Canselor, baru-baru ini.

Layanlah Ramadan dengan terbaik kerana di dalamnya Allah beri banyak kelebihan dan ganjaran istimewa.

"Namun yang sedihnya, berapa ramai yang masuk Ramadan tapi dia tidak dapat apa-apa, berkat tidak dapat walaupun di bulan yang berkat.

“Untuk mendapat berkat ikutlah apa yang nabi suruh misalnya tutup auratmu dengan tudung yang menutupi kepala hingga dadamu.

“Kedua, buat apa yang nabi buat misalnya berbuka dengan yang manis-manis seperti 3 biji rutub, air lalu sembahyang dan apabila kita lakukannya maka mendapat keberkatan.

“Ketiga, taat dengan apa yang disuruh dan dilarang oleh Allah dan Rasulullah misalnya kurangkan tengok TV maka berkat akan datang,” kongsinya.

Apa tanda berkat?

Kita bahagia contohnya berasa seronok bekerja di UUM tanda berkat dengan kerja, kena marah pun rasa bahagia dan reda itu juga berkat.

“Kedua, kekal dengan yang sedia ada misalnya membaca al-Quran hari-hari dari dulu sampai sekarang, dulu rajin ke masjid sampai sekarang pun masih lagi ke masjid, yang suka bawa makanan ke pejabat, dulu nikah dengan suami sampai sekarang suami tu lah juga,” katanya mengundang tawa.

Ketiga, penambahan iaitu apa yang dia buat dulu-dulu makin bertambah misalnya dulu ke masjid pada waktu Isyak sahaja tahun depan semakin kerap Subuh dan Maghrib begitu juga penambahan gaji dalam kerja.

Keempat, makbul bermakna capai sasaran misalnya target nak pergi umrah tahun depan, nak beli kereta, rumah, dapat.. maka Allah bagi berkat.

“Jadi, sambutlah Ramadan dengan sebaiknya kerana di dalamnya ada kefardhuan puasa untuk membersihkan hati.

“Bersih hanya menerima sesuatu yang bersih dan apabila hati bersih barulah boleh taat lalu datanglah berkat. Bersih hati akan datang dengan perisai Ramadan,” ujarnya.

Jelasnya, syurga memiliki 7 tingkat dengan banyak pintu dan pelbagai nama seperti syurga Adnin, Firdaus, Jalal, Khuluk, Makwa, Naim dan Salam. Pada bulan Ramadan Allah membuka pintu syurga seluas-luasnya.

Manusia selalunya akan berasa menyesal di akhir. Justeru jangan ada yang menyesal apabila masuk ke dalam syurga kelak kerana setiap tingkat memiliki keistimewaan dan semakin tinggi tingkat semakin banyak nikmat yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata.

“Kita mungkin menyesal bila lihat kemungkinan kawan kita yang dulunya satu pejabat, selalu mengaji bersama-sama berada di syurga yang martabatnya lebih tinggi daripada kita, hanya mungkin kerana beliau suka membawa sedikit juadah ke pejabat untuk menjamu kawan-kawan,” katanya.

Tambahnya, adakalanya yang melayakkan seseorang memasuki syurga yang lebih tinggi hanya disebabkan kebaikan yang kecil tetapi dilakukan dengan seikhlas hati dan berterusan.

Jadi, kehadiran tetamu yang sangat baik ini perlu disambut supaya ada semangat bersiap-siaga dengan semua yang ada pada kita dengan hadirnya Ramadan.

Beliau turut memberi tips untuk membersihkan hati melalui puasa, membaca al-Quran, banyakkkan sebut nama Allah, selawat dan jaga pancaindera kerana akan pergi ke hati.

“Kita dituntut menjaga pancaindera seperti mata tidak melihat perkara maksiat, mulut tidak mengumpat, telinga tidak mendengar yang haram kerana boleh mengurangkan pahala puasa.

“Elakkan maksiat dan lakukan perintah Allah, siang berpuasa gunakan masa yang cukup berharga pada waktu malam untuk melakukan ibadat jadi kurangkan tidur dan banyakkkan berjaga malam.

“Ibadat yang paling sesuai sebelum tidur ialah baca al-Quran dan bangun awal untuk sembahyang tahajud, taubat, istighfar, membaca quran sebelum bersahur,” pesannya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.